

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 JULY 2016

Pakatan baharu bakal berhadapan krisis dalaman

um - 17/7/2016

KUALA LUMPUR 16 Julai - Penubuhan pakatan baharu pembangkang sebagaimana diumumkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad bertujuan menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) akan datang dipercayai bakal berhadapan dengan masalah atau pun krisis dalaman.

Meskipun belum ditubuhkan secara rasmi lagi, Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa Majlis Profesor Negara (MPN), Profesor **Datuk Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak** yakin bahawa perbezaan yang cukup ketara dalam kalangan pemimpin parti-parti terlibat iaitu DAP, PKR dan PAN dengan Dr. Mahathir akan memberi kesan.

Lebih-lebih lagi, Mohamed Mustafa ragu-ragu sama ada Dr. Mahathir bersedia menerima idea Malaysian Malaysia yang dibawa oleh DAP selama ini, selain sejarah antara bekas Perdana Menteri itu dengan bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Saya tahu perkara ini masih terlalu awal untuk diperkatakan, tetapi berdasarkan petun-

juk serta sejarah parti-parti terlibat dengan Dr. Mahathir, besar kemungkinan pakatan baharu ini bakal berhadapan dengan masalah.

“Kerjasama ini sangat luar biasa, lebih-lebih lagi untuk meli-

hat Dr. Mahathir bersama-sama dengan DAP yang sangat ditentang beliau dahulu. Selain itu, saya berpendapat pengundi khususnya kaum Melayu akan sukar untuk menerima hakikat mengenai kerjasama pakatan ini, memandangkan umum tahu aspirasi pakatan tersebut yang tidak banyak memba-

bitkan kumpulan majoriti itu,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Dalam pada itu, bagi Pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Dr. Zaid Ahmad** berkata, pakatan baharu itu berkemungkinan tidak mempunyai masa yang cukup untuk membentuk jentera kuat bagi menewaskan BN.

Katanya, meskipun perkara itu tidak mustahil, tempoh dua tahun sebelum PRU-14 terlalu singkat.



DR. ZAID AHMAD